

Elaun sara hidup nelayan diagih bulan depan

MARANG - Nelayan negeri ini boleh menarik nafas lega apabila elaun sara hidup bagi sesi tahun baharu akan diagihkan kepada mereka yang layak Februari ini.

Pengerusi Persatuan Nelayan Terengganu (Penentu), Mat Yassim Mohamed berkata, bantuan bakal disalurkan itu diharap dapat membantu meringankan beban mereka.

Bagaimanapun katanya, jumlah penerima tidak sama berbanding tahun lalu setelah pemutihan dilakukan.

"Bantuan ini akan diberikan kepada nelayan yang benar-benar layak di seluruh negara.

"Terdapat kira-kira 10,000 nelayan di negeri ini, manakala nelayan diketepikan dari pada senarai penerima, mereka masih boleh membuat rayuan,"



MAT YASSIM

katanya.

Dalam pada itu, Penentu turut memohon kerajaan negeri mempertimbangkan bantuan secara 'one off' sebanyak RM500 kepada nelayan negeri ini sebagai bantuan musim tengkujuh.

Mat Yassim berkata, pihaknya akan membuat permohonan secara rasmi kepada kerajaan negeri.

"Tidak semua nelayan menerima bantuan elaun sara hidup yang diberikan kerajaan PH. Jika kerajaan negeri dapat membantu mereka ia membolehkan beban golongan itu dikurangkan.

"Kita juga berharap kerajaan PH dapat menjelaskan baki royalti petroleum kepada kerajaan negeri agar ia dapat dimanfaatkan rakyat Terengganu secara keseluruhannya," katanya.